


Newspaper	ROCKET
Date	JUN - JULY 2016

8 | JUN-JULAI 2016

Rocket
EDISI BAHASA MALAYSIA



WAWANCARA KHAS

APA LAGI TUN MAHATHIR MAHU?

Buat pertama kali dalam sejarah Parti Tindakan Demokratik, akhbar The Rocket BM memaparkan wawancara bersama mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad, seputar isu-isu semasa dan kemarahan terhadap anak didiknya Datuk Seri Najib Razak. Ikuti wawancara Iznil Amri bersama beliau. Gambar oleh Ahmad Yusufi.

Sekitar lima minit sebelum jam 9 pagi, saya melihat beliau tiba dengan iringan dua kereta polis. Sekonyong-konyong keluar dari kenderaan, beliau terlebih dahulu menghampiri seorang pegawai keselamatan yang memegang bekas makanan ikan. Diambilnya beberapa genggam dan dicampak ke kolam di perkarangan bangunan Yayasan Kepimpinan Perdana di Putrajaya.

Tun Dr. Mahathir Mohamad memulakan hariannya di pejabat dengan memberi makan kepada ikan-ikan koi, mungkin satu ritual menenangkan diri, setelah 13 tahun melepaskan jawatan sebagai kepala negara paling lama berkhidmat dalam sejarah Malaysia.

Pun begitu, setelah lama 'bersara' daripada jabatannya, Mahathir tidak lelah bermain politik. Sepelontar batu dari pejabatnya di Presint 8 Putrajaya itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak sedang cuba dijatuhkannya melalui usaha mengumpul tandatangan, selain bekerjasama dengan ramai musuh politik lama, termasuk pemimpin utama

DAP, Lim Kit Siang.

Kerjasama itu akhirnya membenih langkah meninggalkan parti yang diasaskannya, United Malays National Organisation (Baru), selain berjanji untuk berkempen bagi memastikan kekalahan Barisan Nasional dalam pilihanraya kecil Parlimen Sungai Besar dan Kuala Kangsar pada 18 Jun ini.

Kerelaan beliau meninggalkan parti Melayu itu kemudian mengundang caci-maki ramai pihak yang dahulunya tegar mempertahankan Mahathir sebagai wira bangsa. Hatta media tradisional yang dikawal kerajaan turut tidak lepas menyerangnya, menggambarkannya sebagai si pengkhianat yang telah berpaling daripada perjuangan UMNO sejak zaman berzaman.

UMNO bukan lagi macam dulu

"UMNO macam la ni tak dak UMNO dah," katanya, ketika ditanya jika beliau sanggup melihat parti yang menjadi wadah perjuangan selama puluhan tahun kehilangan kuasa dalam usaha menjatuhkan Najib.

"Ini bukan parti UMNO. UMNO

"Saya tak mahu jadi calon. Umur saya sudah lanjut. Mereka yang sokong Deklarasi Rakyat mesti sokong siapa sahaja yang menentang Najib."

— Tun Dr. Mahathir Mohamad
(mantan Perdana Menteri)

ada prinsip dia. Ini parti yang pertahan kepimpinan Najib. Dah jadi parti Najib," ujarnya, meringgirkan diri tanpa memperlihatkan sedikit pun rasa sesal atau kecewa.

Mahathir marah betul dengan UMNO yang lebih baru daripada UMNO Baru. Baginya, UMNO versi Najib Razak adalah UMNO yang bertuhankan duit.

"D i a mempertahankan r a s u a h , " tambahnya. "Cash

is king, dia kata pada saya," merujuk kepada Najib mengambil alih tampuk pemerintahan dengan restu Mahathir sendiri setelah membantu menjatuhkan presiden sebelumnya, Tun Abdullah Ahmad Badawi, yang menaiki takhta UMNO dengan restu dan perkenan Mahathir juga.

Tuduhan-tuduhan Mahathir terhadap anak didik politiknya itu juga bukan sebarangan. "Dia bagi orang ni sejuta, orang tu sejuta, takkan wakil rakyat lain nak senyap tak minta duit?" soal beliau. Pastinya dengan maklumat dalam mengenai penyakit bawaan UMNO yang telah berakar sejak zaman pemerintahannya lagi.

Namun tidak adil untuk menuduh segalanya bermula sejak Mahathir mula

memegang teraju parti pada 1981. Era awalnya amat popular di kalangan rakyat dengan pelbagai slogan dan usaha merencanakan kebosanan politik 1970an. Tetapi, tuduhan dan dakwaan rasuah serta salah guna kuasa mula lantang didengar pada pertengahan 1980an.

Pemimpin UMNO bodoh

Kini Mahathir pula yang marah dengan rasuah. "Pegawai kerajaan sekarang pun ambil duit sebab dia tengok pemimpin boleh ambil berbilion, takkan dia tak boleh ambil sejuta, dua?" ujarnya, yang sejak mengambil alih kuasa daripada Almarhum Tun Hussein Onn memasarkan slogan-slogan seperti 'Bersih, Cekap, Amanah' dan 'Kepimpinan Melalui Teladan' sekitar Mac 1983.

Malang sekali slogan-slogan itu kemudiannya tidak diteladani, malah disalahtafsir sesuka hati, hatta menghasilkan produk-produk UMNO yang ternyata memalukan bekas presiden paling lamanya hari ini.

"Ketua cawangan UMNO, dia tak bagi orang yang ada kaliber masuk. Bila dia mati, siapa yang ganti dia? Orang lagi bodoh daripada dia. UMNO (sekarang) telah mengecut menjadi parti yang dipimpin orang bodoh, tak ada prinsip," tegasnya.

Penyakit korupsi sememangnya difahami sebagai penyakit warisan dalam UMNO. Memang korupnya UMNO itu bukan kerana nama atau perjuangannya tetapi disebabkan terlalu lama memegang tampuk kuasa. Ia satu trend kepada mana-mana parti di dunia ini yang biasanya berakhir dengan rakyat menolak mereka.

Korupsi dalam UMNO macam saka